

Awam
3.11.2016

Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM
Diluluskan oleh Pasukan Eksekutif
Kumpulan

Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM

Pengenalan

UPM berhasrat untuk menjadi rakan kongsi yang boleh dipercayai dan yakin bahawa amalan yang bertanggungjawab dan beretika memupuk nilai jangka panjang untuk UPM dan pemegang kepentingan. UPM telah merekodkan komitmen terhadap integriti dalam Tatakelakuan. Prinsip utama kami ialah kami tidak mengkompromikan standard integriti kami dalam apa jua keadaan dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada pembekal dan orang tengah pihak ketiga.

Semua pembekal UPM dan orang tengah pihak ketiga (contohnya, ejen, perunding, penasihat, rakan kongsi usaha sama, rakan kongsi tempatan atau pengedar yang bertindak bagi pihak UPM) mesti mematuhi standard yang dikuatkuasakan dalam Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM. Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini mentakrifkan prestasi tahap minimum yang diperlukan oleh UPM daripada semua pembekal dan pihak ketiga.

Versi Kod Pembekal dan Pihak Ketiga yang paling kini tersedia di laman web UPM.

1. Komitmen terhadap integriti

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Memaklumkan UPM dengan segera jika pembekal atau pihak ketiga tidak dapat mematuhi Kod Pembekal dan Pihak Ketiga.

2. Menghormati orang lain dan hak asasi manusia

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mematuhi Pengisytiharan Universal Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, konvensyen asas Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) dan 10 prinsip United Nations Global Compact.
- Menghormati hak asasi manusia sejagat seperti kebebasan berfikir, berpendapat, meluahkan idea, beragama dan berhimpun secara aman serta kebebasan daripada diskriminasi berdasarkan bangsa, umur, kewarganegaraan, jantina atau orientasi seksual.
- Menghormati konvensyen ILO asas dan undang-undang tempatan berkenaan waktu kerja dan pampasan, untuk memastikan tiada buruh paksa atau buruh kanak-kanak dalam mana-mana operasi atau aktiviti dan tidak mengambil pekerja yang berumur di bawah 15 tahun. Jika terdapat buruh paksa atau buruh kanak-kanak dalam mana-mana operasi, pembekal atau pihak ketiga mesti memaklumi UPM dengan segera dan mengambil tindakan untuk membaiki keadaan mengikut prinsip yang diterima oleh UPM.

Awam
3.11.2016

Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM

- Memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja, pelawat dan orang lain yang terlibat dalam operasi.
- Mematuhi keperluan keselamatan UPM sewaktu bekerja atau melawat premis UPM dan menjalankan latihan keselamatan yang diperlukan.

3. Mengambil berat akan kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan produk

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mengurangkan kesan yang negatif terhadap alam sekitar dari segi darat, air, kepelbagaian hayat dan udara.
- Mengurus sisa yang dijana daripada operasi, produk atau aset pelanggan yang dikendalikan, termasuklah rawatan sisa berbahaya mengikut undang-undang dan arahan pengeluar.

4. Toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan sogokan

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mengelakkan diri daripada membayar, memberikan, menawarkan atau meluluskan sogokan kepada pegawai kerajaan atau individu lain dalam apa jua keadaan sama ada secara langsung atau tidak.
- Mengelakkan diri daripada menerima atau meminta sogokan daripada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan sama ada secara langsung atau tidak.
- Menjauhkan diri daripada aktiviti yang boleh menimbulkan tanggapan sogokan, rasuah atau tanggapan tidak elok yang lain.
- Mengekalkan prosedur yang sewajarnya untuk menghindarkan rasuah dan sogokan dalam operasi.
- Memaklumkan UPM dengan segera jika berlaku rasuah atau sogokan dalam kalangan pekerja UPM.

5. Ketelusan perniagaan

Pembekal Pihak Ketiga UPM mesti:

- Merupakan entiti sah yang ditubuhkan menurut peraturan dan wujud secara sah mengikut undang-undang yang berkenaan.
- Mempunyai kebenaran untuk menjalankan perniagaan, membuat perjanjian dengan UPM dan melaksanakan kewajipan yang berkaitan.
- Mengekalkan insurans liabiliti yang sah dan dasar insurans yang secukupnya daripada syarikat insurans dengan reputasi baik untuk liabiliti yang boleh melibatkan UPM.
- Peka terhadap risiko yang mungkin berlaku, menguatkuasakan prosedur pengurangan risiko yang bersesuaian dan memaklumi UPM dengan segera jika risiko tersebut mungkin menjejaskan perniagaan UPM.
- Mematuhi sepenuhnya semua undang-undang cukai yang berkenaan dan membayar semua cukai dan bayaran rasmi lain yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa.
- Mematuhi sepenuhnya semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram dan rejim sekatan dagangan yang berkaitan.

6. Pematuhan undang-undang persaingan

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mematuhi semua undang-undang persaingan yang berkenaan dan tidak boleh mengikat atau melibatkan diri dalam perjanjian yang menghalang persaingan, amalan dagangan atau pertemuan dengan pelanggan, pengedar, pembekal atau rakan kongsi perniagaan yang lain dan tidak boleh melibatkan diri dalam amalan antipersaingan.

7. Melindungi aset dan maklumat

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mengendalikan aset UPM dengan waspada.
- Melindungi maklumat sulit UPM daripada penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan.
- Tidak menerbitkan pengumuman, siaran akhbar atau pendedahan umum lain yang berkenaan UPM tanpa kelulusan daripada UPM.
- Menghormati hak harta intelektual orang lain.
- Mengelakkan semua percanggahan kepentingan dengan UPM dan memaklumi UPM dengan segera jika berlaku perkara yang sedemikian.

8. Tanggungjawab terhadap sumber

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mengenali dan memilih rakan kongsi dengan berhati-hati untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko penglibatan dalam aktiviti perniagaan haram atau pelanggaran mana-mana keperluan Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini.
- Menyimpan rekod yang lengkap dan tepat tentang semua transaksi perniagaan.
- Menggalakkan keperluan yang diterangkan dalam Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini untuk dilaksanakan pada tahap tambahan dalam rantai bekalan mereka.

9. Melibatkan diri dengan pemegang kepentingan dan masyarakat

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Berkomunikasi dengan pemegang kepentingan secara terbuka dan telus serta menggalakkan dialog dengan mereka.
- Membuat sumbangan positif yang sebanyak mungkin terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat tempatan.
- Memastikan bahawa undang-undang antirasuah tidak dilanggar dan bekerjasama dalam mematuhi prinsip Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini apabila berurusan dengan kerajaan tempatan.

Awam
3.11.2016

Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM

10. Kepatuhan merupakan tanggungjawab semua orang

Pembekal UPM/Pihak Ketiga mesti:

- Mengizinkan UPM mengesahkan pematuhan terhadap Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini melalui audit di tapak yang dijalankan oleh sumber dalaman atau luaran.
- Membalas tinjauan UPM tepat pada waktunya.
- Memahami bahawa pelanggaran undang-undang atau Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini atau kegagalan untuk mengambil tindakan pembetulan akan dianggap oleh UPM sebagai pelanggaran kontrak dan boleh menyebabkan penamatan hubungan perniagaan dengan pembekal atau pihak ketiga.
- Menyediakan kaedah untuk pekerja mengemukakan kebimbangan mereka secara awanama tentang kelakuan yang tidak baik, mencadangkan peningkatan atau memberikan maklum balas umum.
- Melaporkan kepada UPM dengan segera jika terdapat pelanggaran yang disyaki atau pelanggaran sebenar terhadap Kod Pembekal dan Pihak Ketiga ini. Laporan secara sulit boleh dibuat melalui:

Web: www.upm.com/reportmisconduct

E-mel: reportmisconduct@upm.com

Pos: UPM-Kymmene Corporation
Head of Internal Audit/Complaint
P.O. Box 380
FI-00101 Helsinki
Finland

Laporan tentang salah laku akan disemak dengan teliti oleh UPM dan akan dirahsiakan sejauh mungkin.